



Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

5

年级

Ng Jia Wei
Norelyssa Ramli

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format **UASA** Ujian Akhir Sesi Akademik terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Tema 5**Lestarikan Alam**

Buku Teks (m.s. 83 ~ 97)

Bahagian A**Tatabahasa****Soalan 1 dan 2**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Rosli menunjukkan ^{显示} _____ membuat ^{玩具车} kereta mainan daripada ^{环保物品} (bahan kitar semula.)
 A kira-kira ^{大概}
 B kata-kata ^{话语}
 C cara-cara
 D mata-mata ^{警察}
2. Kakak membantu ibu menyapu _____ kering yang berguguran di halaman rumah.
 A pepejal ^{固体/物体}
 B kekabu ^{木棉}
 C dedaun ^{叶子}
 D gegelung ^{卷状物, 藤圈}

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang betul.

3.
 A Jamal [♥] gemar meminum air sejuk sambil bersukan dengan rakan-rakannya.
 B Ibu Sarah sedang memasak kuih raya ^{当儿} sementara pada masa yang sama mengemas rumah.
 C Ahmad akan menyertai pertandingan melukis di Dewan SJKC Ai Chun pada hujung minggu ini. ^{参加}
 D Baju baru Aisyah ^{装不下} (tidak muat) kerana akan semakin tinggi dia dalam tempoh setahun.

* sementara (当儿) → menunggu

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Daripada:	annur56@hotmail.com
Kepada:	faizah09@hotmail.com
Perkara:	Larian Hijau 202_
Salam sejahtera, semoga saudara sihat. Saya ingin berkongsi pengalaman pertama menyertai Larian Hijau 202_ sempena Minggu Alam Sekitar di Taman Bandar Ekoflora baru-baru ini. Acara ini bermula seawal 7:30 pagi dengan semua peserta berkumpul sambil mengenakan kemeja-T berwarna hijau. Saya sangat teruja menyertai larian ini kerana saya dapat menikmati pemandangan hijau sambil berlari bersama-sama para peserta lain. Selepas larian, kami menerima cenderamata dan (sijil penyertaan). Selain itu, kami didedahkan tentang kepentingan menjaga alam sekitar demi kehidupan yang lebih sihat. Saya lampirkan bersama gambar kenangan saya. Sekian sahaja perkongsian daripada saya, terima kasih.	

4. Tujuan Annur menghantar e-mel adalah untuk
 - A menceritakan tentang aktiviti semasa cuti sekolah.
 - B membalas e-mel Faizah yang dihantar minggu lalu.
 - C memberikan maklumat tentang kempen alam sekitar.
 - D berkongsi pengalaman semasa menyertai Larian Hijau 202_.
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan di atas.
 - A Peserta memakai kemeja-T berwarna biru.
 - B Larian bersempena dengan Minggu Alam Sekitar.
 - C Yuran penyertaan larian sebanyak RM20 sahaja.
 - D Peserta yang mendapat tempat sahaja mendapat cenderamata dan sijil.
6. Berdasarkan petikan, berikut merupakan kebaikan menyertai program di atas, kecuali
 - A mendapat cenderamata dan sijil penyertaan.
 - B meluangkan masa bersama-sama keluarga tersayang.
 - C menikmati pemandangan hijau sambil berlari.
 - D mendapat pendedahan tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

活动 收集
**KEMPEN PENGUMPULAN
BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERPAKAI 用过的
(E-WASTE)**

Tarikh: 22 – 23 Julai 202_

Tempat: Kawasan Lapang Kemuning Jaya, Kuantan

Tukar E-waste
kepada wang!

E-waste ialah barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi dan usang seperti peti sejuk, televisyen, telefon bimbit, radio dan lain-lain.

操作 陈旧

Anjuran:

Jabatan Alam Sekitar
dan Majlis Bandaraya Kuantan

Fakta E-waste

→ 被消灭

爱护环境

- ✓ Perlu dilupuskan secara (mesra alam)
- ✓ Mengandungi bahan toksik berbahaya seperti plumbum dan merkuri
- ✓ Mengandungi logam berharga seperti emas dan platinum yang boleh dikitar semula
- ✓ Sebahagiannya boleh digunakan semula untuk menghasilkan produk baharu
- ✓ Membahayakan kehidupan, kesihatan dan kualiti alam sekitar jika tidak dilupuskan dengan cara yang betul

→ 有危险

铅

水银

Hubungi: 联络

Encik Azlan Azizan (012-345xxxx)

BAHAN 2

Khairi sudah membaiki mesin basuhnya beberapa kali. Kini, mesin basuhnya itu sudah tidak berfungsi. Khairi menemui (jalan buntu.) 没办法了

Khairi : Nampaknya (mesin basuh) 洗衣机 ini sudah tidak boleh digunakan lagi. Kita boleh pindahkannya ke belakang rumah.

Syakir : Abang rasa lebih baik kita hantar ke (pusat pengumpulan) 收集中心 e-waste Kuantan.

Khairi : Baru saya teringat. 22 dan 23 Julai ini ada kempen pengumpulan e-waste. Menariknya kita boleh menukar 换 barangan ini kepada wang tunai.

Syakir : Ya, Khairi. Nanti kita kumpulkan bersama-sama barang yang boleh dihantar. Inilah cara kita memelihara alam sekitar. Barang-barang ini akan dilupuskan secara mesra alam.

Khairi : Baiklah, abang. Kita boleh panjangkan perkara ini juga kepada orang lain. Pasti ramai yang ingin menyertai kempen ini.

7. Kempen Pengumpulan Barangan Elektrik dan Elektronik Terpakai dianjurkan oleh
- A Jabatan Alam Sekitar dan Majlis Bandaraya Kuantan.
 - B Kemuning Jaya, Kuantan.
 - C Encik Azlan Azizan.
 - D Khairi dan Syakir.

8. *E-waste* ialah barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi dan usang seperti peti sejuk, televisyen, telefon bimbit, radio dan lain-lain.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

A biji.

B bilah.

C papan. → coklat / petai / Mercun

D buah.



9. Perkataan *dilupuskan* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan
- A dibuang.
 - B dipindahkan.
 - C dihantar.
 - D dihapuskan.
10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.
- A Barangan elektrik dan elektronik dilupuskan secara mesra alam.
 - B Kempen pengumpulan *e-waste* diadakan pada 20 Julai.
 - C Semua barangan elektrik dan elektronik tiada bahan toksik yang berbahaya.
 - D Pelupusan dengan cara yang tidak betul akan memelihara kualiti alam sekitar.

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pengurusan sisa pepejal yang betul sangat penting, terutamanya di rumah. Sisa pepejal bermaksud hasil buangan atau lebihan yang tidak dikehendaki daripada aktiviti sosioekonomi penduduk setiap hari.

Tiga langkah utama dalam pengurusan sisa pepejal adalah dengan mengasingkan sisa pepejal mengikut jenis, menyimpan sementara di dalam bekas yang sesuai dan membuang sisa ke dalam tong sampah pada hari kutipan.

Penduduk harus memahami jadual kutipan sampah. Sisa kitar semula dikutip seminggu sekali, manakala sisa lain dikutip dua kali seminggu. Pengurusan yang baik mengurangkan jumlah sisa pepejal dan beban tapak pelupusan. Gagal menguruskan sisa boleh menjejaskan kesejahteraan hidup kita.

I. (a) Sisa pepejal ialah _____

(b) Nyatakan langkah-langkah untuk menguruskan sisa pepejal.

- (c) Bulatkan satu ganti nama diri dalam ayat yang diberikan.

Pengurusan yang baik mengurangkan jumlah sisa pepejal dan beban tapak pelupusan. Gagal menguruskan sisa boleh menjejaskan keselesaan hidup kita.

- (d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Sisa pepejal bermaksud hasil buangan yang tidak dikehendaki daripada aktiviti sosioekonomi penduduk setiap hari.

Yang dinamakan sisa pepejal ialah hasil buangan penduduk setiap hari akibat sosioekonomi yang tidak dikehendaki.	
Yang dinamakan sisa pepejal ialah hasil buangan yang tidak diperlukan daripada aktiviti sosioekonomi penduduk setiap hari.	

kata ganti nama diri

1st pertama

我/我们

aku

saya

hamba

beta

kita

kami

2nd kedua

你/你们

kamu

awak

engkau

kalian

tuan hamba

tuanku

3rd ketiga

他/他们

dia

ia

nya

mereka

baginda

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

做休闲活动
Kamu beriadah di sebuah taman rekreasi. Ketika sedang duduk di bangku yang disediakan, kamu ternampak beberapa orang pengunjung membuang sampah merata-rata walaupun di taman itu telah disediakan tong sampah.
apabila
游荡
列处
另

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang boleh dilakukan?

Bahagian C

* mencemarkan

* mencemarkan sungai

* mencemari

* sampah mencemari sungai


Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang penggunaan beg plastik.

Tuliskan pendapat kamu tentang kesan penggunaan beg plastik.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Bahagian D

Penulisan Karangan

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



- meningkatkan kesedaran murid-murid
- pameran alam sekitar
- aktiviti menanam anak pokok
- pengumpulan barangan terpakai
- impak yang luar biasa
